

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

-----\*-----\*-----

-----\*-----\*-----

-----\*-----\*-----

[Perhatian oleh sebab banyaknya pertanyaan yang diterima dari satu ke satu masa dan kerana sempitnya ruangan ini maka mulai daripada keluaran ini kita hidangkan halaman ini dengan menggunakan huruf halus- yang diharap akan menggemarkan pembaca-pembaca -P]

Dua tiga orang telah menulis mendatangkan iktirad atas jawapan kepada soal yang didatangkan oleh Muhammad Kordi Abdul Salam Sungai Burung, Jalan Baharu: Parit Buntar, Perak yang telah bertanya, “Sescorang masuk masjid atau surau hendak sembahyang fardhu di sana ada seorang sembahyang lalu diikutnya. Alah-alah orang itu diketahuinya sembahyang sunat- Adakah sembahyang sah atau tidak?” Jawapan atas perkara ini telah tersiar dalam majalah Qalam bulan Jun yang lalu.

Di dalam jawapan itu kita telah menyatakan bahawa kita mengatakan “tidak” – yakni tidak sah. Harus dengan kerana jawapan itu banyak pembaca-pembaca yang tidak berpuas hati lalu meminta penjelasan yang tepat daripada kita dengan lebih lanjut dengan ada setengah-setengah daripada mereka itu menyatakan bahawa yang demikian bersalahan daripada pengetahuan mereka.

Patut kita tarik perhatian pembaca-pembaca bahawa masalah ini termasuk di dalam masalah yang terkenal dengan nama “*Khilafyyah*” iaitu perkara-perkara yang banyak boleh diambil faham daripadanya dengan tiap-tiap yang membawa faham itu membawa dalil-dalilnya daripada Al-Quran dan Al-Hadith.

Adapun alasan kita mengatakan tidak sah ialah berpegang kepada sabda Rasulullah (SAW) yang maksudnya, “Hanya sanya imam itu dijadikan ikutan”. Hadith ini diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim daripada beberapa jalan riwayat yang berasing-asing

Di dalam Al-Majmuk Syarih Al-Mazhab pada muka 271 – Juzuk 4 telah membawa keterangan tentang perkara ini dengan lebih jelas menyatakan bahawa puak-puak yang mengatakan tidak sah itu ialah Al-Hasan Al-Basri, Al-Zuhri, Yahya bin Sa’id Al-Ansari, Rabi’ah dan Abu Qulabah. Qaula ini diriwayatkan oleh Imam Malik. Al-Thuri dan Abu Hanifah berkata pula, tidak harus sembahyang fardhu. Di belakang imam yang sembahyang sunat atau yang sembahyang fardhu yang lain, dan harus sembahyang sunat di belakang imam yang sembahyang fardhu yang lain, dan harus sembahyang sunat di belakang imam yang sembahyang fardhu. Imam Malik ada meriwayatkan demikian ini.

Pihak-pihak ini berpegang dengan sabda Rasulullah (SAW) iaitu kepada Hadith yang kita sebutkan di atas tadi yang maksudnya difaham oleh mereka ialah imam itu menjadi ikutan dengan apa yang dilakukan olehnya, kalau ia sembahyang fardhu hendaklah diikuti dengan sembahyang fardhu juga- demikian juga akasnya.

Di sebalik itu ada pula qaula yang mengatakan sah (pihak ulama Al-Syafie) dengan mereka berpandu kepada Hadith yang diriwayatkan oleh Jabar sebagaimana yang tersebut di dalam kitab Al-Majmuk Syarih Al-Mahzab muka 269 juzuk 4 yang berkata, “Dan harus orang yang sembahyang fardhu berimamkan orang yang sembahyang sunat. Dan orang yang sembahyang fardhu dengan orang yang sembahyang fardhu yang lain (yakni maknum sembahyang zohor dengan imam sembahyang Asar-P) kerana berpandu kepada Hadith yang diriwayatkan oleh Jabar bin Abdullah, bahawa Muaz telah sembahyang Isya’ bersama-sama Rasul-ullah (SAW) kemudian ia balik mendapatkan kaumnya di Bani Salamah lalu sembahyang dengan mereka menjadi imam (yakni ia telah sembahyang Isya’ sekali lagi – P) maka sembahyangnya terhitung sunat baginya dan fardhu bagi mereka – yakni tertunai fardhu Isya’ mereka.”

Ada pula qaula yang mengatakan makruh seperti yang tersebut di dalam kitab Al-Hawasi Al-Madinah juzuk 2 muka 25 yang mengatakan, “Dan sah- tetapi makruh yang boleh menghilangkan fadhilat sembahyang. Berjemaah- sembahyang fardhu Zohor di belakang imam yang sembahyang fardhu Asar atau Maghrib dan akasnya dan sembahyang fardhu di belakang imam sembahyang yang sunat dan akasnya.”

Sekianlah faham-faham tentang masalah ini dan oleh kerana ada khilafiyah maka yang lebih utama adalah, menurut pandangan kita, semolek-moleknya diambil yang sempurna.

-----\*-----\*-----

Omar bin Aziz, Kapal Resang, Streets Steamshif Company Limited, Singapura bertanya, mengapakah orang Melayu tidak boleh mengahwinkan anak perempuannya yang bongsu sebelum anaknya yang sulung kahwin terlebih dahulu- katanya yang semacam ini melangkah bendul?

Jawab- Ini ialah suatu kebiasaan sahaja. Oleh kerana harus dengan sebab yang bongsu dikahwinkan maka yang tua nanti payah mencari jodohnya dan sebab itulah nampaknya berasa enggan ibu bapa meninggalkan yang tua daripada yang bongsu. Selain daripada itu harus juga difikirkan supaya hati yang tua itu tidak terkait kerananya.

\* \* \*

Yun bin Yaakob, Sungai Dulang, Rakyat, Batu Pahat bertanya, seorang Islam mengambil seorang anak kecil Cina kemudian dididiknya semenjak dari kecilnya dengan didikan Sekolah Inggeris dan petang jadi pelayan kedai kopi sehingga sempurna umurnya 15 tahun. Pendeknya rukun Islam yang lima itu tidak satu pun diikutinya- hanya cara-cara Islam sahaja yang diikutinya- adakah dihukumkan orang itu Islam?

Jawab- Seseorang yang bukan Islam dipandang sebagai seorang Islam apabila ia naik saksi mengesakan Allah dan membenarkan Rasulnya iaitu dengan mengucap dua kalimah syahadah. Sesudah itu maka terhitunglah ia di dalam lingkungan seorang Islam dengan syarat pengakuannya itu dalam baligh. Apa-apa pekerjaan yang dilakukannya yang melanggar hukum-hukum Islam maka dosanya tertanggung atas dirinya terkecuali ia mengisytiharkan yang dirinya murtad. Sekiranya ia melakukan yang demikian maka terpendanglah ia sebagai seorang Islam dan sekiranya tidak maka bukanlah ia Islam. Sekianlah pendapat kita.

\* \* \*

Ahmad, Rantau Panjang, Sungai Taka, Serdang, Kedan dan banyak lagi lain-lain orang bertanya, apa hukumnya orang lelaki memakai cincin emas dan gigi emas pada masa akad nikah?

Jawab- Akad nikah itu ada mempunyai syarat-syaratnya iaitu mempelai lelaki, pengantin perempuan, ijab kabul dan seterusnya. Sedang memakai cincin emas dan gigi emas itu lain pula hukumnya iaitu tidak berkait di antara satu dengan lain. Dengan sebab itu emas itu, menurut pendapat kita tidak akan membatalkan nikah itu.

Memandang kepada banyaknya pertanyaan yang didatangkan berkenaan dengan perkara lelaki memakai emas, yang daripada pertanyaan itu zahir bahawa emas itu adalah haram dipakai oleh lelaki. Maka moleklah rasanya kita bawa perhatian pembaca-pembaca ke atas masalah ini dengan jelas dan panjang supaya sama-sama kita perhati dan iktibar.

Ulama-ulama Islam semuafakat menghalalkan perempuan memakai emasnya kerana Rasulullah (SAW) ada bersabda (maksudnya) "Dihalalkan emas dan sutera bagi perempuan-perempuan daripada umatku, dan diharamkan atas lelaki" (Hadith riwayat Ahmad).

Selain daripada itu ada beberapa Hadith lagi yang menegah orang-orang

minum di dalam bahan emas dan perak dan juga makan pada keduanya.

Berkenaan memakai cincin emas bagi lelaki maka kebanyakan ulama mengharamkannya kerana berdalil dengan Hadith (maksudnya), "Bara' bin Azab berkata - Kami telah ditegah oleh Nabi (SAW) akan tujuh perkara - ia tegah memakai cincin dan .... (Hadith sahih riwayat Bukhari).

Satu riwayat lagi (maksudnya). "Abu Hurairah berkata - sesungguhnya Rasulullah (SAW) telah menegah (kita) memakai cincin daripada "emas" (Hadith sahih riwayat Bukhari).

Ada lagi satu riwayat (maksudnya), "Abdullah bin Omar berkata - Rasulullah (SAW) pernah memakai cincin emas kemudian ia buangkan dia. Dan ia berkata - aku tidak akan memakai dia selama-lamanya. Oleh itu sahabat-sahabat membuang pula cincin-cincin mereka." (Sahih Bukhari).

Dengan Hadith-Hadith yang tersebut itu nyata bahawa Nabi menegah kita memakai cincin emas, tetapi tegahan-tegahan syarak itu terkadang-kadang menunjukkan kepada makruh. Oleh yang demikian ada sebahagian daripada ulama yang berpendapatan bahawa memakai cincin emas itu hanya makruh. (Tidak berdosa). Alasan mereka bahawa emas itu ialah perhiasan yang telah diharamkan oleh Allah dengan firmanNya (maksudnya) "Katakanlah - Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah, yang ia adakan untuk hamba-hambanya, dan begitu pula makanan yang baik-baik?. Katakanlah- (bahawa perhiasan) itu diuntukkan bagi mereka yang beriman di dunia ini, dan tertentu bagi mereka sahaja pada hari Qiamat" ( P Al-A'raf ayat 32).

Maksud ayat ini bahawa perhiasan yang diadakan oleh Allah itu tiada sesiapa pun dapat mengharamkannya selain daripada Allah atau Rasul-Nya dengan terang dan kuat betul. Dengan demikian maka pendapat pihak ini tegahan Nabi ke atas cincin emas itu tidak terang menunjukkan kepada haram, kerana Hadith-Hadith yang tersebut itu hanya menyebut Nabi tegah, sedang makruh itu pun boleh juga disebut suatu tegahan.

Selain daripada itu mereka berpendapatan bahawa tegahan itu hanya pada makruh ialah sebagaimana riwayat yang dibawa oleh Barak bin Azab- yang menunjukkan Nabi memakai cincin emas demikian juga sahabat-sahabat ada memakai cincin emas, dan sekiranya tegahan itu menunjukkan haram tentulah sahabat-sahabat Nabi tidak mahu memakainya, dan kalau ada yang memakai tentulah ditegur oleh yang lainnya.

Dengan ini terang bahawa ada pendapat yang mengatakan haram memakai cincin emas kerana Nabi menegah memakainya. Tegahan Nabi itu dijadikan mereka tegahan haram dan Hadith-Hadith yang tersebut itu mereka jadikan pula kecualinya kepada firman Allah pada ayat 32 surah Al-A'raf itu. Sebahagian ulama lain pula berpendapat tegahan itu adalah tegahan makruh sahaja kerana Hadith itu tidak terang menyebut sebagai tegahan haram dan juga sahabat yang meriwayatkan Hadith itu serta lain-lainan sahabat ada memakai cincin emas- dengan ini tentulah mereka faham tegahan itu tegahan makruh jua adanya.

Abdullah Mansur, Kampung Merbau, Kota Baharu, Kelantan, bertanya, bagaimana hendak menghilangkan penderitaan batin (nafsu batin yang kuat) di kalangan penuntut-penuntut yang masih di dalam bangku persekolahan pada hal. Umurnya dalam lingkungan belas tahun (di bawah daripada 25 tahun) sehingga menjadi tidak menyuburkan dengan tiada berpenyakit?

Jawab – Penderitaan batin itu adanya tidak tertentu pada masing-masing orang. Ada tersebut daripada keturunan darahnya dan ada pula sebab daripada makanan-makanan yang dimakannya. Makanan-makanan itu lazimnya adalah mempengaruhi kepada kekuatan kehendak batin iaitu semakin banyak ia memakan makanan-makanan yang mengandungi lemak seperti daging atau makanan-makanan yang panas dan seumpamanya maka yang demikian itu akan mempengaruhi kepada perjalanan darah dan akan membawa kepada kekuatan syahwat yang tidak dapat dielak. Dengan sebab itu apabila syahwatnya terlampau lebih harus akan membawa pula kepada kurang kesihatan dan sebab itulah tabib-tabib mengesyorkan supaya orang-orang itu lebih banyak memakan sayur-sayur kerana sayur-sayur itu kekuatannya tidak sebagaimana makanan-makanan yang tersebut di atas tadi kepada jalan hawa nafsu. Di sebalik itu sekiranya tidak dapat terkawal kekuatan batinnya itu maka syarak menggalakkan supaya ia berkahwin kerana dengan berkahwin itu akan terjauh daripada zina yang sangat ditegah itu.

\* \* \*

Mahmud Zahudi, Kampung Chempaka, Batu Kurau, Perak bertanya, apakah sebab-sebabnya perkataan Haji didahulukan baharu disebut namanya pada hal rukun haji itu ialah rukun Islam yang kelima?

Jawab – Perkataan haji itu lazimnya digunakan oleh orang di sebelah sini sebagai satu tanda ia telah menunaikan rukun Islam yang kelima itu dan lazim dibuat oleh mereka nama Haji itu didahulukan daripada namanya tetapi ada juga digunakan orang kemudian daripada namanya seperti Muhammad Sulaiman Al-Hajj. Ini ialah suatu kebiasaan sahaja – tidak ada kena mengena dengan fardhu haji itu kerana fardhu haji itu ialah suatu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh orang yang mampu atasnya dan sebab itulah ada orang-orang yang tidak mustahak meletakkan nama Haji itu pada namanya kerana tidak ada apa-apa kesannya kepada mereka.

\* \* \*

Said bin Ahmad, Kuala Besut, Terengganu bertanya, “Bolehkah dipercayai alamat-alamat yang didapati daripada mimpi (tabir mimpi) sebagaimana yang dipercayai oleh setengah-setengah orang-orang kampung?”

Jawab – Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya), “Orang yang sangat benar mimpinya ialah orang yang sangat benar perkataannya” (Hadith sahih riwayat Muslim).

“Mimpi yang baik itu daripada Allah, dan mimpi yang kacau itu daripada syaitan. Oleh sebab itu barangsiapa mimpi yang kacau hendaklah ia berlindung kepada Allah dan meludah ke sebelah kirinya, maka yang demikian itu tidak akan membahayakan” – (maksud Hadith sahih riwayat Bukhari).

“Apabila seseorang daripada kamu bermimpi yang disukainya maka hendaklah ia puji Allah kerana mimpi itu dan hendaklah ia ceritakan mimpinya itu; dan apabila ia lihat lain daripada itu, yakni mimpi yang tidak digemarinya maka yang demikian itu daripada syaitan. Oleh itu hendaklah ia berlindung (diri) kepada Allah daripada kejahatannya dan janganlah diceritakan kepada sesiapa. Sesungguhnya yang demikian itu tidak akan membahayakan.” (Maksud Hadith sahih riwayat Bukhari).

Di dalam Hadith riwayat Bukhari dan Muslim ada pula menyebutkan bahawa Nabi (SAW) telah bersabda bahawa sekiranya seseorang bermimpi yang tidak baik maka hendaklah ia bangun sembahyang; dan kalau bermimpi baik maka janganlah diceritakan melainkan kepada orang yang disukainya, selain daripada itu ada disebutkan oleh Muslim bahawa seorang Badwi datang mendapatkan Nabi lalu berkata: saya bermimpi kepala saya dipotong orang kemudian kepala itu bergoyang-goyang lalu saya kejar kepala itu. Nabi bersabda: “Janganlah dicerita kepada orang tentang permainan syaitan ke atas dirimu itu”

Daripada ini dapat disimpulkan (1) Kalau orang pendusta mimpinya pun dusta pula; (2) Mimpi yang menyenangkan hati itu dikatakan datangnya daripada Allah dan kerana itu hendaklah memuji Allah sedang mimpi yang tidak baik daripada syaitan; (3) Mimpi yang menyenangkan hati itu hendaklah kita memuji Allah dan jangan diceritakan kepada orang dikecualikan kepada sahabat kita yang akrab – dan jika mimpi tidak baik hendaklah berludah ke kiri dan bangun sembahyang sunat dan jangan menceritakan mimpi itu kepada sesiapa pun.

Di dalam Al-Quran ada juga tersebut tentang takbir mimpi seperti kejadian atas diri Nabi Ibrahim yang telah bermimpi menyembelih anaknya Nabi Ismaik (Lihat Al-Quran Surah Al-Saffat dari ayat 102 kepada 108); di dalam riwayat Nabi Yusuf yang di dalamnya ada menyebut tentang Nabi Allah ini mentabirkan mimpi.

Selain daripada itu Rasulullah (SAW) pernah bermimpi masuk Mekah dan tawaf di sana Rasulullah mengkhabarkan mimpi itu kepada sahabat-sahabatnya dan mereka pun gembira serta menyangka bahawa kejadian itu akan berlaku pada tahun itu juga. Tetapi kerana sebab perdamaian dengan kaum Musyrikin Mekah maka pada tahun itu mereka tak dapat masuk ke Mekah maka sahabat-sahabat pun jadi was-was; dan dengan keran itu Umar Ibnu Al-Khatib bertanya yang dijawab oleh Rasulullah: “Adakah aku berkata yang kita masuk ke Mekah tahun ini! Umar menjawab – Tidak. Maka Rasulullah pun bersabda –Nanti engkau masuk dan tawaf di sana. Dengan sebab kejadian inilah turun firman Allah yang tersebut dalam surah Al-Fath ayat 27 yang menyatakan bahawa Allah dan Rasul-Nya itu benar dalam mimpi itu. Insha-Allah kamu akan masuk ke Mekah.

Supaya jangan banyak lagi datangnya pertanyaan yang seperti ini maka moleklah di sini diterangkan dengan lebih terang seperti yang tersebut di dalam Fath

Mi dan Syarah Muslim Nuwi yang maksudnya:

- (1) Sesiapa yang bermimpi melihat Rasulullah (SAW) maka begitulah sebenarnya rupa Rasulullah kerana syaitan tidak akan dapat menyerupainya.
- (2) Rasulullah pernah bermimpi Allah memberinya kunci harta dunia.
- (3) Rasulullah pernah bermimpi melihat Nabi Isa dan dajal di Mekah.
- (4) Rasulullah ada pernah bermimpi sebahagian daripada umatnya pergi berperang menyeberang laut. Ummi Haram binti Malahan meminta Rasulullah mendoakannya termasuk di dalam orang-orang yang berperang itu. Rasulullah mendoakannya. Di dalam zaman Muawiyah Ummi Haram ini pun pergi berperang. Seturunnya daripada kapal lalu ia naik kederaan terus jatuh dan mati.
- (5) Rasulullah pernah bermimpi diberi susu satu piala. Setelah minum dengan puas Rasulullah berikan lebihnya kepada Umar; sahabat-sahabat bertanya apa tabirnya? Jawab Rasulullah- Ilmu.

Banyak lagi mimpi-mimpi Rasulullah yang tercatat dan riwayat-riwayat yang menerangkan Rasulullah mentabir mimpi orang lain yang daripadanya dapat kita ketahui bahawa tabir mimpi itu ada bermacam-macam: ada menurut Tahir, ada mengikut yang ditamsilkan dan diibaratkan, ada dengan makna yang tidak disangka-sangka dan ada pula lain macam caranya.

Di dalam riwayat-riwayat dan Hadith-Hadith tentang mimpi dan tabirnya itu tidak tersebut perintah Nabi atau izinnya kepada seseorang mengerjakan sesuatu kerana mimpi itu terutamanya pada setengah-setengah tempat pada zaman kita ini tak boleh kita meninggalkan atau mengerjakan sesuatu kerana mimpi. Umpamanya seorang bermimpi, sebagaimana yang termasyhur tinggal giginya itu bermakna akan kematian salah seorang tuan yang dengannya janganlah ia pergi ke mana-mana. Perkara yang demikian ini patut dijauhi – yakni meninggalkan sesuatu kewajipan kerana mempercayai tabirnya yang serupa ini.

Ada banyak lagi perkara-perkara yang bersabit dengan ini tetapi semoleknya hendaklah diperhati bahawa cara mentabir mimpi dengan sungguh seperti yang diajarkan Allah kepada Nabi-nabinya itu tidaklah sama dengan keadaan kita kerana tabi yang diajar kepada Nabi-nabi dengan sempurna itu tidak boleh disamakan dengan tabir mimpi yang diagak-agak sahaja itu. Dengan ini haraplah kiranya difaham bahawa takrimnya yang benar itu tidak dapat diambil jadi kesimpulan kerana mimpi itu tergantung kepada keadaan orangnya sebagaimana yang tersebut di atas.

Bagi orang-orang yang diutamakan maka kepada mereka akan diberi mimpi untuk panduan kepadanya sesudah wahyu tidak diturunkan lagi. Adalah disebut bahawa Rasulullah (SAW) pernah bersabda (maksudnya), “Tidak ketinggalan daripada (bahagian) nabwat melainkan masyirat” sahabat-sahabat bertanya

Apakah mabsyirat itu? Rasulullah menjawab “mimpi yang baik” (Hadith sahih riwayat Bukhari).

Sabda Rasulullah (SAW) lagi maksudnya “Kerasulan dan kenabian telah putus, dan tidak ada sebarang Nabi dan tidak ada sebarang Rasul sesudahku tetapi ada masyirat” Sahabat-sahabat bertanya, apakah yang dikatakan daripada beberapa bahagian nabwat” (Hadith sahih riwayat Ahmad dan Ibnu Majah.)

Mudah-mudahan dengan keterangan ini dapat kiranya pembaca-pembaca memikirkan sendiri tentang hal mimpi ini.

Sedang dicetak

Dua penggal tamat

## UTHMAN BIN AFFAN

Riwayat hidup khalifah Islam yang ketiga dan segala kejadian yang berlaku disekelilingnya

**MINYAK RAMBUT "JAMNA"**

Minyak ini dibuat khas menurut ilmu sains daripada ramuan-ramuan dan akar-akar kayu. Baunya wangi dan melebatkan rambut menghilangkan kelemumur, pening kepala, membunuh kutu-kutu serta menjauhkan daripada botak. Boleh dapat dibeli di mana-mana kedai.

Dibuat oleh:

**JAMNA**  
Chemical  
Works.

Pembahagi  
Malaya dan Singapura

**M. K. A.**  
**RAZACK**  
**BROS.**  
21, Batu Road,  
Kuala Lumpur.

